ES10170016

24 Mac 2025

**Makluman Umum: Audit Pensijilan Semula RSPO ke atas Strategic Operating Unit (SOU) 29 Giram, SD Guthrie Berhad (RSPO Membership: 1-0008-04-000-00)**

Kepada Pihak Berkepentingan,

Ini adalah untuk memaklumkan bahawa Unit Pengurusan di atas di bawah SD Guthrie Berhad dengan nombor keahlian RSPO 1-0008-04-000-00 telah melantik SIRIM QAS International Sdn. Bhd. untuk menjalankan audit pensijilan semula di Kilang Sawit Giram dan ladangnya, yang terletak di Kunak, Sabah, Malaysia. Pengauditan ini akan dilakukan bermula dari **13 Mei 2025 hingga 16 Mei 2025**. Keperluan piawaian yang akan digunapakai semasa proses pensijilan adalah:

*Malaysia National Interpretation (MYNI) 2019 of the RSPO Principles & Criteria 2018 for Sustainable Palm Oil Production* (Intepretasi Kebangsaan Malaysia (MYNI) 2019 daripada RSPO Prinsip & Kriteria 2018 untuk pengeluaran minyak sawit mampan)

Nombor ID RSPO Kilang ialah: RSPO_PO1000000182

Rujuk lampiran 1 untuk maklumat data pengeluaran yang akan dinilai di kilang dan ladang.

SD Guthrie Berhad (sebelum ini dikenali sebagai Sime Darby Plantation Berhad) ialah peneraju dalam inovasi, menggunakan beberapa minda terbaik dalam industri untuk menghasilkan produk berkualiti unggul untuk pelanggan di seluruh dunia. Operasi huluan dan hiliran kami disepadukan sepenuhnya, membolehkan mereka memaksimumkan kecekapan, mencipta nilai yang lebih baik untuk semua pemegang kepentingan mereka. Sepanjang rantaian nilai minyak sawit mereka, lebih 84,000 pekerja memacu pertumbuhan mampan, berbangga dengan warisan yang sinonim dengan kecemerlangan.

Status proses Prosedur Penanaman Baru (NPP) dan proses RaCP (Prosedur Pemulihan dan Pampasan):

| Nama Ladang | Status NPP | Status RaCP |
|---|---|---|
| Ladang Giram | Tidak berkenaan | Tidak berkenaan |
| Ladang Mostyn | Tidak berkenaan | Tidak berkenaan |

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. merupakan badan pensijilan, pengujian dan pemeriksaan utama di Malaysia. SIRIM QAS International Sdn. Bhd. menyediakan perkhidmatannya mengikut kehendak standard yang diterimapakai di peringkat antarabangsa. SIRIM QAS International Sdn. Bhd. mempunyai pengalaman luas di dalam pensijilan sistem pengurusan kualiti, alam sekitar dan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sektor perladangan dari pengilangan kelapa sawit hingga industri hilirannya.

Pasukan audit adalah seperti berikut:

| Pasukan Juruaudit | Peranan / Elemen yang diperlukan | Kelayakan dan Pengalaman |
|---|---|---|
| Rozaimee Ab Rahman | Ketua Juruaudit / Isu Sosial, GHG, *Supply Chain, Timbound Plan* dan *Metric Template* | • Memiliki Diploma Perikanan - Universiti Putra Malaysia<br>• Memiliki Ijazah (Kepujian) Sains Pertanian - Universiti Putra Malaysia<br>• Pengalaman selama lebih 5 tahun bekerja berkaitan dengan kelapa sawit<br>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk skim EMS dan OHSAS<br>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit RSPO oleh Wild Asia<br>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit RSPO Supply Chain (SC) oleh David Ogg<br>• Berjaya menghadiri Latihan RSPO ISH oleh Sekretariat RSPO pada tahun 2022. |
| Mohd Zulfakar Kamaruzaman | Juruaudit / Isu Sosial dan HCV | • Ijazah (Kepujian) Sains Perhutanan – Universiti Putra Malaysia<br>• Pengalaman lebih 5 tahun bekerja dalam ladang kelapa sawit<br>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk QMS, EMS dan OHSAS<br>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk RSPO<br>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit RSPO Supply Chain (SC) oleh David Ogg<br>• Berjaya menghadiri Latihan RSPO ISH oleh Sekretariat RSPO pada tahun 2023. |
| Amir Bahari | Juruaudit / Isu Alam Sekitar, Isu Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan, Isu Amalan Perladangan Baik (GAP) | • Memiliki Ijazah (Kepujian) Kimia - Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang<br>• Pengalaman lebih 30 tahun dalam pengurusan kilang dan ladang.<br>• Berjaya menamatkan kursus Ketua Juruaudit untuk RSPO.<br>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk EMS dan OHSAS |

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. menjemput pihak berkepentingan untuk memberikan ulasan (jika ada) mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan unit pengurusan berikut untuk audit. Komen hanya diterima dalam masa 30 hari dari tarikh surat ini dan akan dipertimbangkan dalam audit.

Komen yang perlu dirahsiakan, sila masukkan perkataan "SULIT" dalam subjek balasan anda.

Sila sertakan butir-butir di bawah ini sekiranya kami perlu menghubungi anda untuk penjelasan lebih lanjut mengenai masalah yang diutarakan.

| | |
|---|---|
| Nama | : |
| Jawatan | : |
| E-mel yang sahih | : |
| Nombor Telefon yang sahih | : |

Maklumbalas tuan/puan hendaklah di hantar kepada:


| | |
|---|---|
| **Kamini A/P Sooriamoorthy**<br>Ketua Seksyen Makanan, Pertanian & Perhutanan<br>SIRIM QAS International Sdn. Bhd.<br>Tingkat 1, Bangunan 4, Kompleks SIRIM,<br>No. 1, Persiaran Dato' Menteri,<br>40700 Shah Alam, Selangor,<br>Malaysia.<br>Tel. : +603 5544 6119<br>Faks : -<br>E-mel : kamini@sirim.my / syazwani@sirim.my | **Madam Shylaja Devi Vasudevan Nair**<br>Head (Sustainability Compliance, Group Sustainability Department)<br>SD Guthrie Berhad<br>No 2, Jalan PJU 1A/7, Ara Damansara,<br>47301 Petaling Jaya, Selangor,<br>Malaysia.<br>Tel. : +6012-298 3510<br>Faks : -<br>E-mel : shylaja.vasudevan@sdguthrie.com |


Pihak SIRIM QAS International mengucapkan terima kasih keatas segala maklumbalas yang telah di berikan.

Yang Benar,



(**KAMINI A/P SOORIAMOORTHY**)
Ketua Seksyen,
Makanan, Pertanian & Perhutanan
Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Maklumat mengenai Unit Pensijilan SD Guthrie Berhad – Strategic Operating Unit (SOU) 29, Giram

| KILANG SAWIT YANG TERMASUK DALAM AUDIT PENSIJILAN SEMULA | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Nama Kilang** | **Kapasiti Kilang (MT/Jam)** | **Model Rantaian Bekalan** | **Lokasi** | **Koordinat GPS** | | **Hasil Pengeluaran Tahunan (MT)** | |
| | | | | **Latitud** | **Longitud** | **CPO** | **PK** |
| Kilang Sawit Giram | 60 | Mass Balance (MB) | 91207 Kunak, Sabah, Malaysia | 4° 35’ N | 118° 12’ E | 27,237.42 | 5,831.88 |

| LADANG - LADANG YANG TERMASUK DALAM AUDIT PENSIJILAN SEMULA | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Nama Ladang** | **Lokasi** | **Koordinat GPS** | | **Ringkasan Kawasan (Ha)** | | **Purata Pengeluaran Tahunan (MT)** |
| | | **Latitud** | **Longitud** | **Jumlah** | **Jumlah Ditanam** | |
| Ladang Giram | 91207 Kunak, Sabah, Malaysia | 4° 35’ N | 118° 12’ E | 4,166.98 | 3,884.42 | 60,734.58 |
| Ladang Mostyn | 91207 Kunak, Sabah, Malaysia | 4° 39’ N | 118° 07’ E | 4,063.33 | 3,473.92 | 59,225.45 |
| | | | **JUMLAH** | **8,230.31** | **7,358.34** | **119,960.03** |

## Peta Unit Pensijilan

### Mostyn Estate




### Giram Estate (Barat, Timur & Kochin Div.)



## Giram Estate (Ulu Balung Div.)




## Giram Estate (Sipit Div.)

